



### Gabungan UPM-IPTS Lahir Graduan Berketrampilan - NC



*Naib Canselor UPM, Datuk Dr. Nik Mustapha berkongsi kejayaan bersama penerima anugerah cemerlang, Nurul Saidah Ibrahim (dua dari kanan), Fatimah Mustapai (kanan sekali) dan Roskamaazlira Jusoh (kiri sekali) pada Majlis Konvokesyen UPM-IPTS ke-11 di UPM semalam.*

**SERDANG, 13 Ogos** – Kerjasama strategik di antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) adalah salah satu faktor penyumbang kepada usaha UPM untuk mencapai wawasan menjadi universiti bertaraf dunia dengan melahirkan barisan graduan yang berkeyakinan tinggi.

Naib Canselor UPM, Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata komitmen padu IPTS membantu UPM menyediakan peluang pendidikan berkualiti kepada semua pelajar yang berkelayakan adalah perlu memandangkan kapasiti penawaran adalah terhad di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) termasuk di UPM sendiri.

"UPM sentiasa berusaha memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan melalui program kerjasama ini mencapai tahap kualiti yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui pemantauan secara berterusan ke atas IPTS yang terlibat oleh Jawatankuasa Kawalan Mutu Program Akademik (JUMPA) serta Pusat Pendidikan Luar untuk memastikan semua aspek pendidikan sentiasa berada pada tahap piawai yang ditetapkan," katanya ketika memberi ucapan pada Majlis Konvokesyen Program Kerjasama UPM-IPTS ke-11 yang berlangsung pada 12 Ogos di sini.

Beliau turut berkata UPM amat menitikberatkan penerapan elemen-elemen kemahiran insaniah di dalam kurikulum pengajian seperti kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan, pengurusan maklumat, keusahawanan, etika profesional dan kemahiran kepemimpinan memandangkan dunia pekerjaan kini menuntut pekerja yang mempunyai nilai profesionalisme yang tinggi.

Majlis Konvokesyen UPM-IPTS tersebut menganugerahkan diploma dan ijazah kepada 550 graduan dari enam buah kolej, iaitu Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernatics, Kolej Teknologi Bestari, Kolej Teknologi Timur, Kolej RISDA Melaka, Kolej Shahputra dan Kolej Poly-Tech Mara (KPTM).

Kolej-kolej berkenaan menawarkan enam program berkembar dengan UPM, iaitu Bachelor Pentadbiran Perniagaan, Bachelor Sains Komputer, Diploma Pembangunan Manusia, Diploma Pertanian, Diploma Pengurusan Perniagaan dan Diploma Sains Komputer.

Datuk Dr. Nik Mustapha turut menyeru graduan memanfaatkan sepenuhnya penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang telah diaplikasikan dalam pembelajaran dan pengajaran kerana perkembangan teknologi terkini menyebabkan banyak bidang pekerjaan telah diautomasikan dan dikuasai oleh ICT.

"Gunakan ilmu yang dipelajari dan kelebihan persekitaran, lokasi dan kepakaran masyarakat setempat dengan penuh bijaksana. Graduan perlu memimpin masyarakat dengan menghasilkan inovasi serta teknologi baru ataupun menjadi pencetus idea baru dalam menyelesaikan masalah kemasyarakatan," katanya pada majlis yang berlangsung di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Pada majlis tersebut beliau turut menyampaikan anugerah kepada graduan-graduan yang cemerlang; Nurul Saidah Ibrahim dari Kolej Teknologi Bestari (Anugerah Graduan Cemerlang Peringkat Bachelor), Roskamaazlira Jusoh dari Kolej Shahputra (Anugerah Graduan Cemerlang Akademik Peringkat Diploma) dan Fatimah Mustapai dari Kolej Teknologi Bestari (Anugerah Graduan Cemerlang Keseluruhan Peringkat Diploma).

Turut hadir sama ialah Pengarah Pusat Pendidikan Luar, Prof. Dr. Abdul Aziz Saharee dan Pengerusi Jawatankuasa Konvokesyen Program Kerjasama UPM-IPTS ke-11, Datin Hajah Norayini Ali.



*Datuk Dr. Nik Mustapha menyampaikan ijazah kepada graduan di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), UPM.*

**Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia